

# MIEHRI beri manfaat besar kepada Malaysia

BH-16052004

**K**UALA LUMPUR: Mesyuarat Pakar-Pakar Antarabangsa mengenai Hak Asasi Manusia Dalam Islam (MIEHRI) boleh memberi banyak manfaat kepada Malaysia dalam menangani beberapa isu hak asasi manusia yang "mencabar" dalam masyarakat majmuk, kata Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail.

Beliau berkata, mesyuarat itu yang disertai 43 pakar hak asasi manusia tempatan dan antarabangsa boleh membantu Malaysia dalam menangani bidang yang masih kabur berkaitan hak asasi manusia.

"Sudah sampai masanya isu ini difahami dan ia amat relevan dengan Malaysia. Perbincangan mengenai ini perlu diadakan bagi memahami kemunculan prinsip hak asasi manusia di sini," katanya pada sidang media selepas perasmian mesyuarat itu, di sini, semalam.

Abdul Gani bagaimanapun berkata, hasil mesyuarat itu tidak akan mengubah Perlembagaan Persekutuan dan Pejabat Peguam Negara tidak bercadang menukar undang-undang sedia ada.

"Tapi kita perlu memahaminya (hak asasi manusia). Perlembagaan Persekutuan tetap kekal sebagai perlembagaan dan sebagai Peguam Negara, saya telah bersumpah untuk melindunginya. Bagaimanapun, kita perlu lihat dari semua sudut, supaya setiap orang akan faham," katanya.

Abdul Gani yang juga pengerusi MIEHRI berkata hak asasi manusia di Malaysia meliputi bidang yang luas, termasuk hak sivil dan politik, hak mendapatkan pelajaran, hak wanita dan hak kanak-kanak.

Katanya mesyuarat itu akan membincangkan beberapa aspek bagi meningkatkan kefahaman tentang Is-

lam dan hak asasi manusia secara umum.

"Dengan cara ini, kita dapat mengenal pasti dan melahirkan syor serta program tindakan yang praktikal bagi meningkatkan pemahaman dan sikap tolak ansur antarabangsa berdasarkan semangat saling hormat menghormati dalam kalangan umat manusia," katanya.

Beliau berkata mesyuarat itu bagaimanapun tidak sepatutnya dijadikan forum bagi mengecam mana-mana kelompok dalam masyarakat Islam.

"Forum ini adalah perbincangan terbuka mengenai masalah dan cabaran dalam menegakkan prinsip hak asasi manusia dalam Islam bagi semua umat Islam, tidak kira lelaki, wanita atau kanak-kanak," katanya.

Setiausaha Agung Pertubuhan Perundingan Undang-Undang Asia-Afrika, Dr Wafik Zaher Kamil pula berkata mesyuarat itu amat penting bagi menghapuskan salah tanggapan bahawa Baratlah yang memberi sumbangan besar terhadap undang-undang antarabangsa.

Katanya, elok juga ditonjolkan beberapa sumbangan yang dibuat oleh Islam dalam membangunkan undang-undang kenegaraan, terutama dalam bidang hak asasi manusia, undang-undang peperangan, undang-undang perdagangan antarabangsa dan undang-undang berkaitan perjanjian.

Beliau berkata mesyuarat itu juga akan membincangkan perbuatan Barat yang memaksa negara Asia, Afrika dan negara lain supaya menerima tafsiran mereka mengenai hak asasi manusia.

"Islam bukan setakat satu agama, tapi mengandungi kod akhlak dan sistem undang-undang," katanya. - Bernama